

Malam Penghargaan Antarabangsa UMS berlangsung hari ini

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Malam Penghargaan Antarabangsa bertempat di Pacific Sutera, Sutera Harbour hari ini (3 Jun).

Malam penghargaan tersebut dianjurkan adalah bertujuan untuk memberi penghargaan terhadap setiap sumbangan kakitangan akademik dan pelajar antarabangsa UMS dalam memasarkan nama UMS ke peringkat global melalui pencapaian akademik dan penyelidikan berimpak tinggi.

Statistik terkini menunjukkan seramai 470 pelajar antarabangsa dari 33 buah negara menyambung pengajian mereka dalam pelbagai bidang yang ditawarkan di UMS. Daripada jumlah tersebut, 390 orang menyambung dalam peringkat ijazah Sarjana Muda, manakala 80 orang sedang berada dalam pengajian peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah.

Aspek pengajian dan pembelajaran UMS pada masa kini turut diperkuatkan dengan tenaga pengajar seramai 119 orang dari luar negara, dan sumbangan para pensyarah dan penyelidik dari luar negara dalam memacu penyelidikan dan inovasi di UMS sememangnya terbukti hasil pencapaian beberapa siri pengiktirafan penyelidikan di peringkat antarabangsa.

Justeru, penganjuran malam penghargaan antarabangsa adalah bertepatan bukan sahaja dalam menghargai sumbangan kumpulan pelajar dan kakitangan antarabangsa, malah turut meningkatkan semangat mereka dalam mencapai kecemerlangan berterusan bersama UMS, sekali gus meningkatkan lagi nama UMS di persada antarabangsa sejajar dengan ulang tahun UMS ke-20.

Kumpulan pelajar antarabangsa juga akan melancarkan Persatuan Pelajar Antarabangsa UMS (UMSIS) sesi 2013/2014, menyaksikan 16 orang ahli jawatankuasa baru yang dilantik sewaktu sesi pemilihan pada 27 Februari lalu akan diperkenalkan pada malam tersebut. Persembahan kebudayaan pelbagai negara dari kumpulan pelajar antarabangsa turut akan memeriahkan lagi suasana pada malam tersebut.

Malam penghargaan antarabangsa bakal diserikan dengan kehadiran duta-duta besar dan konsulat-konsulat di Malaysia yang dijangka hadir sebagai tanda pengukuhan hubungan diplomatik dan kerjasama yang dijalin antara UMS dengan pelbagai agensi dan institusi pengajian tinggi luar negara sepanjang penubuhan 20 tahun UMS.